

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 NOVEMBER 2016

'Tindakan Dr Mahathir strategi selamatkan diri'

BH-20/11/2016

[FOTO L MANIMARAN/BH]



Anuar dan Zambry bersama ahli UMNO pada Majlis Himpunan Penerangan Bersama Pemimpin Akar Umbi Perak di RTC Gopeng, semalam.

Gopeng: Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad mengecam kepemimpinan Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak hanya mengiyakan kata-kata bekas Perdana Menteri itu ketika pernah menerajui negara dan UMNO.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa, berkata Dr Mahathir pernah beberapa kali mengulangi kenyataan beliau diserang hanya kerana kedudukannya sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri, termasuk ketika di Mesyuarat Kabinet dan ketika berucap pada Perhimpunan Agung UMNO.

"Sekarang UMNO membuktikan kata-kata Dr Mahathir sebelum ini adalah benar, kerana apabila beliau sudah tidak lagi menjadi Perdana Menteri dan tidak lagi menjadi Presiden UMNO, orang yang sebelum ini lantang mengkritik dan menyerang beliau kini sudah mula mencium tangan beliau.

"Baik Mat (Mohamad) Sabu, Lim Kit Siang, (Datuk Seri) Anwar Ibrahim atau siapa sahaja (yang sebelum ini membenci beliau, kini su-

dah baik) maknanya kata-kata beliau sebelum ini tepat dan betul dan dibuktikan oleh orang yang menyeringnya dahulu kini tidak lagi menyerang," katanya kepada selepas menghadiri Majlis Himpunan Penerangan Bersama Pemimpin Akar Umbi Perak di Pusat Transformasi Desa (RTC) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Ketua Penerangan UMNO Perak, Datuk Khusairi Abd Talib.

Annuar berkata demikian ketika diminta mengulas pembabitan Dr Mahathir dalam Perhimpunan Bersih 5 di ibu negara hari ini.

Strategi selamatkan diri

Annuar berkata, apa yang dilakukan Dr Mahathir itu dilihat juga mungkin satu strategi bagi menyelamatkan diri beliau yang mungkin mempunyai banyak rahsia untuk disembunyikan.

Katanya, mungkin Dr Mahathir kini bimbang kerana jika tokoh pembang-

kang yang dahulu pernah dijatuhkan tidak memberikannya sokongan, beliau mungkin akan dibogelkan atau dikritik teruk oleh pembangkang sedang UMNO sudah tidak mahu mempertahankannya lagi.

"Sebagai 'murid' Dr Mahathir, saya lihat beliau melakukan pelbagai langkah mengkritik kerajaan ketika ini bukan hanya disebabkan keinginan mahu menjatuhkan Najib tetapi juga bagi mengelak diserang teruk pembangkang kerana dahulu jika beliau diserang oleh pembangkang, Najib pertahankan dia, Paklah (Tun Abdullah Badawi) pertahankan dia, UMNO pertahankan.

"Bila UMNO sudah tunjukkan sikap tidak begitu mahu nak mempertahankannya, maka dia fikir dia nak berlindung kepada siapa, jadi dia fikir mungkin itu satu dari strategi.. tak mustahil, mungkin dia pakai baju buaya kerana takut dimakan buaya pakai baju harimau kerana takut dimakan harimau. Ia boleh berlaku dan yang pastinya, Dr Mahathir ini boleh bertukar-tukar warna dan DNA," katanya.